

5 cadangan jadikan negara bersatu padu

BH-12/12/2022 m/s: 2

Kuala Lumpur: Lima perkara dicadangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjadikan negara ini bersatu padu, seterusnya meninggalkan legasi yang cemerlang.

Penganalisis isu semasa, Engku Ahmad Fadzil Engku Ali, berkata antara perkara yang dicadangkan adalah kepimpinan Anwar perlu mengekang ekstremisme dan mengangkat kembali kegemilangan intelektual Islam.

Beliau berkata, dengan tindakan itu diharapkan Anwar dapat merealisasikan perpaduan sebenar sama ada sesama umat Islam mahupun antara umat Islam dan bukan Islam.

“Dalam mengekang ekstremisme dan kembalikan kegemilangan intelektual Islam, kita perlu kembali kepada pegangan Asya'irah serta menolak pegangan Syiah dan Wahabi.

“Kalau kita lihat, kini banyak orang agama yang diserapi ekstremisme mungkin kerana ketaksu-ban politik atau parti sehingga mudah membidaahkan serta mengka-firkan individu yang tidak sefahaman dengan mereka.

“Oleh itu, kita perlu kaji silibus dengan mengeluarkan ajaran Tauhid 3 yang dikenal pasti oleh pengkaji sebagai punca kepada ekstremisme, malah itulah yang menjadi

kepada pegangan golongan Daesh atau ISIS.

“Silibus ini perlu digantikan dengan Pengajian Tauhid Sifat 20 dengan penyampaian dan gaya bahasa lebih moden serta mudah difahami, namun masih mengekalkan kepada mutu ilmu Tauhid 20 berkenaan,” katanya berucap pada Program Pertemuan Mahabbah Perdana Menteri bersama Ulama dan Asatizah, petang semalam.

Sementara itu, Engku Ahmad Fadzil berkata, bagi merealisasikan Anwar sebagai tokoh perpaduan, beberapa topik dikenal pasti menjadi punca kepada perbalahan antara umat Islam di negara ini.

“Kalau antara umat Islam, topik yang sering menjadi perbalahan adalah mengenai bidaah dan sunnah serta tauhid dan syirik. Ini antara topik yang perlu dimasukkan dalam silibus supaya ia mudah difahami.

“Manakala jika mereka yang berbeza agama pula, kebanyakan disebabkan bahasa. Mungkin boleh dicadangkan supaya memberi sedikit insentif untuk belajar bahasa Cina atau Mandarin, pada masa sama perlu dipertimbangkan untuk diberikan sedikit kefahaman asas kepada bukan Islam berkaitan Islam sesuai dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan bahawa Islam agama Persekutuan,” katanya.

Kaji karya tokoh pemikir Islam

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mahu karya besar termasuk oleh tokoh pemikir dunia ditelaah generasi muda masa kini.

Dalam hantaran menerusi Facebook beliau semalam, Anwar berkata, tindakan itu bagi melawan kebebalan dan mencambah daya fikir yang kritis.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada kartunis terkenal tanah air, Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Lat, yang menghasilkan karya memaparkan masyarakat berbilang bangsa membaca buku pelbagai tokoh di ruang pejabat 'Anwar Ibrahim'.

BERNAMA